Graf dan jadual di atas menunjukkan taburan, frekuensi dan peratusan persepsi responden mengenai berasa lebih santai dengan pembelajaran melalui komik berbanding cara lain untuk mempelajari BA. Berdasarkan graf dan jadual tersebut, 15 orang responden (25.0%) sangat setuju, 34 orang responden (56.7%) setuju, 2 orang responden (3.3%) tidak pasti, dan 9 orang responden (15.0%) tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan sebanyak (82.0%) responden adalah bersetuju bahawa mereka berasa lebih santai dengan pembelajaran melalui komik berbanding cara lain untuk mempelajari BA.




Graf 4. 29: Taburan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Kerap Membaca Komik BA

Soalan 24

	Frekuensi	Peratus	Peratus <i>Valid</i>	Peratus Kumulatif
Valid Sangat Setuju	8	13.3	13.3	13.3
Setuju	20	33.3	33.3	46.7
Tidak Pasti	1	1.7	1.7	48.3
Tidak Setuju	26	43.3	43.3	91.7
Sangat Tidak Setuju	5	8.3	8.3	100.0
Total	60	100.0	100.0	

Jadual 4. 29: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Kekerapan Membaca Komik BA

Graf dan jadual di atas menunjukkan taburan, frekuensi dan peratusan persepsi responden mengenai kekerapan membaca komik. Berdasarkan graf dan jadual tersebut, 8 orang responden (13.3%) sangat setuju, 20 orang responden (33.3%) setuju, seorang responden (1.7%) tidak pasti, 26 orang responden (43.3%) tidak setuju dan 5 orang responden (8.3%) sangat tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan sebanyak (52%) responden adalah tidak bersetuju bahawa mereka kerap membaca komik BA.




Graf 4. 30: Taburan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Komik Menarik Minat Untuk Mempelajari Bahasa Arab

Soalan 25

	Frekuensi	Peratus	Peratus <i>Valid</i>	Peratus Kumulatif
Valid Sangat Setuju	12	20.0	20.0	20.0
Setuju	34	56.7	56.7	76.7
Tidak Pasti	3	5.0	5.0	81.7
Tidak Setuju	9	15.0	15.0	96.7
Sangat Tidak Setuju	2	3.3	3.3	100.0
Total	60	100.0	100.0	

Jadual 4. 30: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Komik BA Menarik Minat Untuk Mempelajari Subjek BA

Graf dan jadual di atas menunjukkan taburan, frekuensi dan peratusan persepsi responden mengenai komik BA menarik minat untuk mempelajari subjek BA. Berdasarkan graf dan jadual tersebut, 12 orang responden (20.0%) sangat setuju, 34 orang responden (56.7%) setuju, 3 orang responden (5.0%) tidak pasti, 9 orang responden (15.0%) tidak setuju, dan 2 orang responden (3.3%) sangat tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan sebanyak (77%) responden adalah bersetuju bahawa komik BA menarik minat untuk mempelajari subjek BA.




Graf 4. 31: Taburan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Komik BA Amat Membantu Saya Memperolehi Perkataan Baru

Soalan 26

		Frekuensi	Peratus	Peratus <i>Valid</i>	Peratus Kumulatif
Valid	Sangat Setuju	18	30.0	30.0	30.0
	Setuju	30	50.0	50.0	80.0
	Tidak Pasti	1	1.7	1.7	81.7
	Tidak Setuju	9	15.0	15.0	96.7
	Sangat Tidak Setuju	2	3.3	3.3	100.0
	Total	60	100.0	100.0	

Jadual 4. 31: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Komik BA Amat Membantu Memperolehi Perkataan Baru

Graf dan jadual di atas menunjukkan taburan, frekuensi dan peratusan persepsi responden mengenai komik BA amat membantu memperoleh perkataan baru. Berdasarkan graf dan jadual tersebut, 18 orang responden (30.0%) sangat setuju, 30 orang responden (50.0%) setuju, seorang (1.7%) tidak pasti, 9 orang responden (15.0%) tidak setuju dan 2 orang responden (3.3%) sangat tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan sebanyak (80%) responden adalah bersetuju bahawa komik BA amat membantu mereka memperoleh perkataan baru.




Graf 4. 32: Taburan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Petikan Perbualan Melalui Komik BA Memudahkan Dalam Mempelajari BA

Soalan 27

	Frekuensi	Peratus	Peratus <i>Valid</i>	Peratus Kumulatif
Valid Sangat Setuju	16	26.7	26.7	26.7
Setuju	30	50.0	50.0	76.7
Tidak Pasti	2	3.3	3.3	80.0
Tidak Setuju	11	18.3	18.3	98.3
Sangat Tidak Setuju	1	1.7	1.7	100.0
Total	60	100.0	100.0	

Jadual 4. 32: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Petikan Perbualan Melalui Komik BA Memudahkan Dalam Mempelajari BA

Graf dan jadual di atas menunjukkan taburan, frekuensi dan peratusan persepsi responden mengenai petikan perbualan melalui komik BA memudahkan dalam mempelajari BA. Berdasarkan graf dan jadual tersebut, 16 orang responden (26.7%) sangat setuju, 30 orang responden (50.0%) setuju, 2 orang (3.3%) tidak pasti, diikuti 11 orang responden (18.3%) tidak setuju dan seorang responden (1.7%) sangat tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan sebanyak (77%) responden adalah bersetuju bahawa petikan perbualan melalui komik BA memudahkan mereka dalam mempelajari BA.




Graf 4. 33: Taburan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Penggunaan Gambar Animasi Yang Bercakap Memudahkan Dalam Mengingati Perkataan Atau Perkara Yang Diperbualkan.

	Frekuensi	Peratus	Peratus Valid	Peratus Kumulatif
Valid Sangat Setuju	22	36.7	36.7	36.7
Setuju	29	48.3	48.3	85.0
Tidak Pasti	2	3.3	3.3	88.3
Tidak Setuju	7	11.7	11.7	100.0
Total	60	100.0	100.0	

Jadual 4. 33: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Penggunaan Gambar Animasi Yang Bercakap Memudahkan Dalam Mengingati Perkataan Atau Perkara Yang Diperbualkan.

Graf dan jadual di atas menunjukkan persepsi responden mengenai penggunaan gambar animasi yang bercakap memudahkan dalam mengingati perkataan atau perkara yang diperbualkan. Berdasarkan graf dan jadual tersebut, 22 orang responden (36.7%) sangat setuju, 29 orang responden (48.3%) setuju, 2 orang tidak pasti, diikuti 7 orang responden (11.7%) yang tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan sebanyak (85.0%) responden bersetuju bahawa penggunaan gambar animasi yang bercakap memudahkan mereka dalam mengingati perkataan atau perkara yang diperbualkan.




Graf 4. 34: Taburan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Komik BA Banyak Memberi Faedah Kepada Pelajar.

Soalan 29

	Frekuensi	Peratus	Peratus <i>Valid</i>	Peratus Kumulatif
Valid Sangat Setuju	16	26.7	26.7	26.7
Setuju	34	56.7	56.7	83.3
Tidak Pasti	2	3.3	3.3	86.7
Tidak Setuju	8	13.3	13.3	100.0
Total	60	100.0	100.0	

Jadual 4. 34: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Komik BA Banyak Memberi Faedah Kepada Pelajar.

Graf dan jadual di atas menunjukkan persepsi responden mengenai komik BA banyak memberi faedah kepada pelajar. Berdasarkan graf dan jadual tersebut, 16 orang responden (26.7%) sangat setuju, 34 orang responden (56.7%) setuju, diikuti 2 orang responden (3.3%) tidak pasti, dan 8 orang responden (13.3%) tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan sebanyak (83.0%) adalah bersetuju bahawa komik BA banyak memberi faedah kepada pelajar.



Graf 4. 35: Taburan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Pembelajaran Melalui Komik Membantu Dalam Meningkatkan Kemahiran Dalam BA

	Frekuensi	Peratus	Peratus <i>Valid</i>	Peratus Kumulatif
Valid Sangat Setuju	12	20.0	20.0	20.0
Setuju	37	61.7	61.7	81.7
Tidak Pasti	2	3.3	3.3	85.0
Tidak Setuju	5	8.3	8.3	93.3
Sangat Tidak Setuju	4	6.7	6.7	100.0
Total	60	100.0	100.0	


Jadual 4. 35: Analisis Frekuensi Dan Peratusan Berdasarkan Persepsi Responden Mengenai Pembelajaran Melalui Komik Membantu Dalam Meningkatkan Kemahiran Dalam BA

Graf dan jadual di atas menunjukkan taburan, frekuensi dan peratusan persepsi responden mengenai pembelajaran melalui komik membantu dalam meningkatkan kemahiran dalam BA. Berdasarkan graf dan jadual tersebut, 12 orang responden (20.0%) sangat setuju, 37 orang responden (61.7%) setuju, 2 orang responden (3.3%) tidak pasti, 5 orang responden (8.3%) tidak setuju dan diikuti 4 orang responden (6.7%) sangat tidak setuju. Walaubagaimanapun, dapatan ini menunjukkan sebanyak (82.0%)

responden adalah bersetuju bahawa pembelajaran melalui komik membantu dalam meningkatkan kemahiran dalam BA.

4. 1. 1. 5 Minat Pelajar Terhadap Pembelajaran Menggunakan Komik

Hasil daripada dapatan tentang soal selidik pelajar yang diperolehi tentang tahap minat mereka terhadap pembelajaran menggunakan komik adalah seperti graf 4. 39 berikut:-



Graf 4.36: Peratus Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran BA Menggunakan Komik

Graf 4. 36 di atas menunjukkan bahawa penggunaan gambar kartun yang bercakap memudahkan pelajar mengingat perkataan atau perkara yang diperbualkan mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak (85.0%) daripada 60 orang responden yang terlibat.

Seterusnya diikuti persepsi mengenai pembelajaran menggunakan komik memberi faedah yang mencatat peratusan sebanyak (83.0%), dan yang ketiga tertinggi pula ialah merangkumi tiga persepsi iaitu persepsi mengenai mereka berasa lebih santai dalam mempelajari BA dalam bentuk komik, suka mempelajari BA apabila ia berbentuk

komik dan komik BA dapat meningkatkan kemahiran BA mencatat peratusan sebanyak (82.0%).

Kemudian, yang keempat tertinggi ialah persepsi mengenai komik BA membantu pelajar memperoleh perkataan baru yang mencatat peratusan sebanyak (80.0%). Diikuti oleh persepsi mengenai komik BA menarik minat dalam mempelajari bahasa Arab serta petikan perbualan melalui komik BA memudahkan mempelajari BA mencatat peratusan yang sama iaitu sebanyak (77.0%).

Sementara itu, persepsi mengenai pemahaman apa yang hendak disampaikan dalam sesuatu perkara apabila ia berbentuk perbualan pula mencatat peratusan yang kelapan tertinggi iaitu sebanyak (75.0%). Akhir sekali ialah persepsi mengenai kekerapan membaca komik dikalangan pelajar yang mencatat peratusan sebanyak (47.0%).

Hasil daripada dapatan yang diperolehi, menunjukkan bahawa penggunaan gambar kartun dalam komik dalam membantu pelajar mendapat persetujuan yang paling banyak dikalangan pelajar. Menurut Abdul Rasid dan Norhayat (2005), bahan kartun boleh merangsangkan minat dan motivasi murid-murid supaya mereka turut terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Tambahan lagi, kartun amat menyeronokkan, mewujudkan kelas yang aktif dan berfungsi sebagai bahan bantu mengajar yang memberikan banyak manfaat.

Pembelajaran menggunakan gambar kartun dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk lebih santai dan menghilangkan tekanan ketika belajar. Penggunaan kartun animasi dalam proses penyampaian maklumat membolehkan penyampaian menjadi lebih mudah dan berkesan serta mampu menarik perhatian para penonton supaya memberikan fokus kepada isi kandungan yang ingin disampaikan (Jamalludin & Zaidatun, 2005). Kenyataan ini juga turut disokong oleh Aminordin (2007), yang

menyatakan bahawa animasi merupakan cara yang efektif untuk menarik perhatian dan berpotensi menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan.

4. 1. 2 Analisis Data Temu Bual Semistruktur

Temu bual ini melibatkan tiga orang guru BA dari sekolah terbabit yang bertujuan untuk mengetahui masalah dan pendapat guru terhadap kaedah pembelajaran yang sedia ada dan pandangan mereka terhadap pembelajaran menggunakan komik. Soalan temubual ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu tentang maklumat demografi guru BA dan soalan berkaitan masalah dan pendapat guru terutamanya berkaitan pembelajaran BA dan pembelajaran menggunakan komik.

4. 1. 2. 1 Maklumat Demografi Guru

Ketiga – tiga orang guru BA ini terdiri daripada seorang perempuan dan dua orang lelaki yang berumur dalam lingkungan 32 hingga 35 tahun dan memiliki kelayakan akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Dua orang memiliki Ijazah Sarjana Muda BA dan seorang memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah dari institusi pengajian tinggi awam dan universiti Timur Tengah.

Selain itu, dari segi pengalaman pula, dua orang daripada mereka mempunyai lapan tahun pengalaman mengajar dan seorang mempunyai tujuh tahun pengalaman mengajar di peringkat menengah rendah dan tinggi. Ketiga-tiga mereka memberi reaksi yang positif sepanjang temu bual dijalankan. Ringkasan maklumat demografi guru boleh dilihat pada jadual di bawah:

Aspek		Kekerapan	Peratus
Jantina	Perempuan	1	33.0%
	Lelaki	2	67.0%
Umur	32	1	33.0%
	33	1	33.0%
	35	1	33.0%
Pengalaman	7 tahun	1	33.0%
	8 tahun	2	67.0%
Kelayakan Akademik	Institusi Pengajian Tinggi Awam	2	67.0%
	Universiti Timur Tengah	1	33.0%

Jadual 4. 37: Maklumat Demografi Guru

4. 1. 2. 2 Persepsi Guru Terhadap Masalah Dalam Pembelajaran BA

Temu bual tentang bahagian masalah pembelajaran ini terbahagi kepada tiga soalan.

Soalan yang pertama ialah berkenaan masalah yang dihadapi guru semasa mengajar BA.

Antara masalah yang dihadapi guru ialah :

- 1- Komunikasi sepenuhnya dalam BA dengan pelajar
- 2- Pelajar kurang berminat dengan BA
- 3- Kurangnya pengetahuan sedia ada pelajar tentang BA
- 4- Pelajar tidak memahami penerangan guru dalam BA
- 5- Pelajar tidak mempunyai dan mengingati perbendaharaan kata BA

Dalam aspek komunikasi dengan pelajar dalam BA, dua orang guru dalam temu bual ini bersetuju bahawa pelajar tidak boleh memahami penerangan guru jika mereka menerangkan sesuatu perkara dengan menggunakan BA. Pada pendapat mereka, hal ini

terjadi kerana pelajar tidak biasa dan tidak cuba untuk berkomunikasi sesama sendiri menggunakan BA.

Seterusnya, dalam masalah guru tentang kurangnya minat pelajar terhadap BA pula, daripada pengamatan mereka, pelajar seperti tidak berminat dengan subjek BA. Mereka masalah utama dalam memupuk kefahaman pelajar dalam pembelajaran BA. mengatakan bahawa hal inilah yang menjadi

Masalah yang dihadapi guru yang seterusnya ialah pelajar tidak memahami penerangan guru dalam BA. Mereka bersetuju dengan pendapat ramai pakar BA yang mengatakan bahawa guru mesti menggunakan BA di dalam kelas tetapi respon yang diberikan pelajar terhadap kaedah ini agak tidak memuaskan.

Akhir sekali, masalah tentang pelajar yang tidak mengingati perbendaharaan kata BA dan kurangnya pengetahuan sedia dalam BA. Mereka berpendapat bahawa hal ini terjadi mungkin disebabkan sikap pelajar sendiri yang kurang mengulangkaji pelajaran atau cepat lupa apa yang telah dipelajari. Namun demikian, tidak semua pelajar memberi masalah kepada mereka.

Soalan seterusnya ialah tentang reaksi pelajar terhadap subjek BA. Dalam soalan ini, seorang guru berpendapat bahawa hanya sebahagian sahaja pelajar yang serius dalam mempelajari BA dan sebahagiannya tidak. Guru seterusnya berpendapat bahawa pelajar kelihatan kurang bersemangat dan kurang memberi tumpuan ketika proses pembelajaran berlangsung. Manakala guru ketiga pula berpendapat bahawa pelajar menganggap subjek BA merupakan subjek yang susah dan pelajar kurang meminati BA disebabkan persekitaran yang tidak menyokong. Dalam ertikata lain, persekitaran yang tidak menyokong ialah tidak seperti sekolah di timur tengah yang mempunyai persekitaran yang membantu dalam pembelajaran BA.

Soalan yang ketiga pula ialah tentang halangan terbesar yang dihadapi oleh guru dalam mengajar BA. Seorang guru berpendapat bahawa mereka menghadapi kesusahan apabila tidak dapat mendedahkan kepada pelajar teknik-teknik mempelajari BA yang lebih jelas, betul dan tepat. Guru kedua pula berpendapat bahawa masalah terbesar yang dihadapi ialah kurangnya bahan pengajaran dan pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar terhadap subjek BA. Manakala guru ketiga pula berpendapat bahawa masalah terbesar yang dihadapi ialah pelajar menjawab latih-tubi dengan sikap yang tidak serius dan pelajar kekurangan perbendaharaan kata kerana mereka tidak menghafalnya.

4. 1. 2. 3 Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran BA Menggunakan Komik

Soalan dalam ini terbahagi kepada dua soalan iaitu tentang kaedah menggunakan komik sebagai bahan pembelajaran dan pembelajaran bahasa Arab menggunakan komik.

Soalan tentang kaedah menggunakan komik sebagai bahan pembelajaran ini adalah soalan yang bertujuan untuk mengetahui pendapat guru tentang kesesuaian bahan pembelajaran ini. Untuk soalan ini ketiga-tiga orang guru bersetuju dengan kaedah bahan pembelajaran ini dan mengatakan bahawa komik pembelajaran ini dapat menarik minat pelajar tambahan pula komik merupakan bahan bacaan yang kesukaan ramai remaja masa kini. Selain itu, ada antara guru yang berpendapat bahawa komik pembelajaran ini dapat membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

Untuk soalan kedua dalam bahagian ini yang mengenai pembelajaran bahasa Arab menggunakan komik, guru berpendapat bahawa kaedah ini sesuai dan boleh membantu pelajar lebih kepada BA dan menambahkan perbendaharaan kata dengan lebih banyak disebabkan cirinya yang mudah dan menarik. Selain itu, ada juga yang berpendapat

bahawa kaedah ini merupakan usaha yang bagus dan sangat baik serta perlu diperluaskan penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran BA.

4. 1. 3 Analisis Data Soalan Ujian

Analisis data soalan ujian akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu, jantina pelajar, pencapaian pelajar dalam ujian pasca (kumpulan kawalan dan rawatan) dan dapatan ujian –t untuk kesignifikan data kajian ini.

4. 1. 3. 1 Jantina Pelajar

Jumlah pelajar iaitu responden dalam kajian ini adalah seramai 60 orang yang dipilih secara rawak di sebuah sekolah. Responden ini dibahagikan secara rata ke dalam dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan seramai 30 orang dan begitu juga kumpulan rawatan yang juga seramai 30 orang. Analisis jantina dalam kedua-dua kumpulan ini adalah seperti dalam jadual di bawah:-

Jantina	Frekuensi	Peratus %
Lelaki	15	50.0
Perempuan	15	50.0
Jumlah	30	100.0

Jadual 4. 37 : Jantina Kumpulan Kawalan

Jadual 4.37 di atas menunjukkan peratus bilangan responden lelaki dan perempuan dalam kumpulan kawalan. Hasil analisis, jumlah bilangan responden lelaki dalam kumpulan ini ialah sebanyak (40.0%) iaitu seramai 12 orang responden manakala jumlah pelajar perempuan ialah (60.0%) iaitu seramai 18 orang responden. Hal ini

menunjukkan bahawa bilangan responden perempuan dalam kumpulan kawalan adalah (20.0%) lebih ramai berbanding responden lelaki.

Jantina	Frekuensi	Peratus %
Lelaki	13	43.0
Perempuan	17	57.0
Jumlah	30	100.0

Jadual 4. 38: Jantina Kumpulan Rawatan

Adapun, ini pula adalah jadual 4. 38 ialah jantina bagi kumpulan rawatan. Berdasarkan analisis, jumlah pelajar lelaki adalah seramai 12 orang iaitu sebanyak (40.0%) daripada keseluruhan 30 orang pelajar dalam kumpulan ini, manakala bilangan pelajar perempuan pula adalah seramai 18 orang iaitu bersamaan (60.0%). Jumlah ini memberitahu bahawa dalam kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan dalam kajian ini jumlah perempuan adalah lebih ramai berbanding pelajar lelaki iaitu sebanyak (20.0%) perbezaan dalam setiap kumpulan.

4. 1. 3. 2 Pencapaian Responden Dalam Ujian Pasca


Ujian merupakan instrumen yang kedua dalam analisis data kajian ini. Ujian dilakukan untuk mengetahui jika terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian kumpulan kawalan dan skor ujian kumpulan rawatan. Berikut merupakan hasil analisis data daripada ujian iaitu pencapaian responden bagi kumpulan kawalan dan rawatan yang dianalisis menggunakan program SPSS versi 18.0.

4. 1. 3. 2. 1 Pencapaian Responden Kumpulan Kawalan

Berikut merupakan pencapaian atau skor secara keseluruhan kesemua responden dalam kumpulan kawalan:

Responden	Jantina	Skor	Gred
1	P	57	C
2	L	17	E
3	P	67	B
4	P	43	D
5	L	50	C
6	P	50	C
7	L	53	C
8	P	17	E
9	P	50	C
10	L	47	D
11	P	63	C
12	P	63	C
13	L	17	E
14	P	47	D
15	L	40	D
16	L	43	D
17	P	60	C
18	P	50	C
19	P	57	C
20	L	43	D
21	P	53	C
22	P	47	D
23	P	40	D
24	L	23	E
25	P	43	D
26	P	30	E
27	L	27	E
28	L	47	D
29	P	73	B
30	L	30	E

Jadual 4. 39: Skor Keputusan Ujian Responden Kumpulan Kawalan



Graf 4. 37: Keputusan Gred Kumpulan Kawalan


Jadual dan graf 4. 37 di atas ialah graf berdasarkan gred bagi keputusan ujian pasca oleh 30 orang responden kumpulan kawalan yang diajar menggunakan kaedah biasa pembelajaran (menggunakan petikan buku teks). Hasil ujian menunjukkan responden kumpulan kawalan hanya memperoleh gred B seramai 2 responden iaitu (6.7%) dalam lingkungan markah 65-79, C seramai 11 responden iaitu (36.6%) dalam lingkungan markah 50-64, D seramai 10 responden iaitu (33.3%) dalam lingkungan markah 40-49, dan E seramai 7 responden iaitu (23.3%) dalam lingkungan markah 1-39. Secara keseluruhannya, markah yang paling tinggi dalam kumpulan kawalan ialah B dengan markah ujian sebanyak (73%) dan markah terendah dalam kumpulan kawalan pula ialah E dengan (17%) sahaja dan kumpulan kawalan mempunyai 7 orang responden yang tidak lulus dalam ujian.

4. 1. 3. 2. 2 Pencapaian Responden Kumpulan Rawatan

Berikut adalah skor keputusan kesemua responden di dalam kumpulan rawatan:-

Responden	Jantina	Skor	Gred
1	L	80	A
2	L	60	C
3	P	63	C
4	L	77	B
5	L	58	C
6	P	70	B
7	P	60	C
8	L	73	B
9	P	67	B
10	P	63	C
11	L	70	B
12	P	70	B
13	L	70	B
14	P	60	C
15	L	63	C
16	L	67	B
17	P	70	B
18	P	70	B
19	P	67	B
20	P	73	B
21	P	53	C
22	P	77	B
23	P	60	C
24	L	77	B
25	P	70	B
26	P	60	C
27	L	77	B
28	P	60	C
29	P	63	C
30	L	80	A

Jadual 4. 40: Skor Keputusan Ujian Responden Kumpulan Rawatan



Graf 4. 39: Keputusan Gred Kumpulan Rawatan

Jadual keputusan dan graf gred di atas adalah daripada ujian pasca 30 orang responden kumpulan rawatan yang diajar menggunakan komik dalam pembelajaran. Hasil ujian menunjukkan 2 orang responden memperoleh A iaitu sebanyak (6.7%) daripada 30 responden dalam kumpulan rawatan, dalam lingkungan markah (80-100), 16 orang responden mendapat B iaitu sebanyak (53.3%) dalam lingkungan markah (65-79) dan 12 orang responden memperoleh C iaitu sebanyak (40.0%) dalam lingkungan markah (50-64). Keseluruhannya, tidak ada pelajar yang memperoleh D dan E dalam ujian dan markah tertinggi yang diperolehi oleh kumpulan rawatan ialah A iaitu (80.0%) manakala markah terendah dalam kumpulan ini ialah C iaitu (53.0%) sahaja.

4. 1. 3. 2. 3 Dapatan Kajian Soalan Ujian (Ujian T Test)

Kumpulan Responden		N	Mean	Nilai Kiraan -t	Std. Deviation	Tahap Signifikan
Keputusan Ujian	Kumpulan Kawalan	30	44.9000	-7.559	14.79597	.000
	Kumpulan Rawatan	30	67.6000		7.18523	

Jadual 4. 41 : *Group Statistics Ujian t*

Berdasarkan statistik deskriptif, jadual manual SPSS di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t=-7.559$, $df 58$, $p<.05$) antara kumpulan kawalan dan rawatan. Ini menunjukkan hipotesis nul ditolak dan hipotesis penyelidikan diterima bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan kawalan dan rawatan. Nilai min yang lebih tinggi pada responden kumpulan rawatan (min 67.6) menunjukkan bahawa mereka lebih memahami pembelajaran berbanding responden kumpulan kawalan (min=44.9).

4. 2 Analisis Umum

Analisis yang telah dijalankan ke atas 60 responden yang merupakan pelajar tingkatan tiga menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara keputusan ujian responden kumpulan kawalan dan rawatan. Perbezaan ini juga membuktikan bahawa komik adalah salah satu alat yang sesuai dan memudahkan pembelajaran dilakukan dengan lebih berkesan berbanding pembelajaran secara tradisional iaitu bahan berbentuk teks karangan.

Penulis mendapati bahawa hasil daripada analisis dapatan soalan ujian dan soal selidik, majoriti daripada responden kajian ialah berjantina perempuan. Kebanyakan daripada responden kajian juga adalah berlatarbelakangkan bapa yang bekerja sebagai penoreh getah dan pegawai serta ibu yang bekerja sebagai suri rumah. Majoriti mereka menyatakan sebab mereka belajar BA ialah atas keinginan diri sendiri. Markah ujian BA yang terbaru mereka juga menunjukkan kebanyakan mereka memperoleh B dan C serta hanya segelintir sahaja yang memperoleh A.

Dalam mengenalpasti persepsi responden terhadap pembelajaran BA dan pembelajaran menggunakan komik, penulis menjalankan soal selidik ke atas 60 orang responden yang sama yang menyertai pembelajaran dan seterusnya menjalani ujian yang diberikan. Hasil daripada soal selidik, penulis mendapati bahawa kebanyakan responden meminati subjek BA apabila nilai peratusan terhadap minat kepada BA mendapat persetujuan seramai 83.0% responden. Hal ini menjelaskan bahawa majoriti mereka mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran BA. Namun hal ini adalah berbeza dengan persepsi guru yang mengatakan pelajar kurang meminati BA dan menjadi masalah utama kepada guru dalam memupuk kefahaman pelajar dalam pembelajaran BA.

Data soal selidik yang seterusnya ialah (53%) responden berpendapat bahawa BA merupakan subjek yang susah. Namun hal ini bertentangan dengan keputusan peperiksaan BA pelajar yang terbaru yang hanya (10%) daripada pelajar iaitu 6 orang pelajar yang memperoleh A dan seramai (31.7%) iaitu 19 orang memperoleh C di samping terdapat beberapa pelajar yang memperoleh B dan E.

Hal ini disebabkan sikap (68.0%) daripada responden yang menghadapi kesusahan dalam kelas kerana tidak mengulangkaji terlebih dahulu. Selain itu, masalah lain yang dihadapi ialah (62.0%) daripada mereka cepat lupa apa yang telah dipelajari. Masalah

yang dihadapi pelajar ini turut disokong oleh guru BA, yang mengatakan bahawa pelajar cepat lupa apa yang telah dipelajari dan kurang mengulangkaji pelajaran.

Pelajar mengakui sendiri bahawa sikap (62.0%) daripada mereka yang tidak membuat nota tambahan untuk mengulangkaji subjek BA. Walaupun begitu, (90.0%) daripada pelajar ini mengatakan bahawa mereka tetap akan mempelajari BA walaupun terpaksa mengulangkajinya selalu dan (88.0%) daripada mereka bersetuju untuk menggunakan pelbagai cara untuk meningkatkan penguasaan BA.

Seterusnya soal selidik berkenaan inisiatif guru dalam aktiviti pembelajaran BA. Penulis mendapati 70.0% pelajar mengatakan bahawa pembelajaran BA menarik minat mereka untuk lebih tekun belajar dan 87.0% pelajar mengatakan guru sangat kreatif ketika mengajar BA. Begitu juga 93.0% pelajar mengatakan guru juga menterjemah perkataan ketika mengajar, 97.0% pelajar bersetuju guru selalu menyuruh mereka menghafal perkataan baru yang dipelajari dan memberi latihan setiap kali kelas dijalankan.

Masalah yang dihadapi pelajar adalah 55.0% mereka hanya mengulangkaji pelajaran apabila tiba hari peperiksaan sahaja, 23.0% tidak menyiapkan latihan yang diberikan guru, 53.0% yang tidak menghafal perkataan baru yang baru diperolehi serta 15.0% yang tidak menggunakan kamus ketika tidak mengetahui maksud perkataan.

Persepsi pelajar terhadap pembelajaran BA menggunakan komik juga mendapat respon positif daripada pelajar kerana 82.0% pelajar bersetuju bahawa mereka suka mempelajari BA apabila ia berbentuk komik. Hal ini kerana 75.0% daripada mereka lebih memahami pembelajaran yang berbentuk perbualan dan 82.0% pelajar yang berasa lebih santai dengan pembelajaran melalui komik berbanding cara lain dalam

mempelajari BA. 77.0% pelajar mengatakan bahawa komik BA menarik minat mereka untuk mempelajari BA.

Di samping itu, 80.0% pelajar bersetuju bahawa komik membantu mereka memperolehi perkataan baru kerana penggunaan animasi yang bercakap memudahkan mereka dalam mengingat perkataan atau perkara yang diperbualkan dan memberi faedah kepada mereka serta dapat membantu mereka dalam meningkatkan kemahiran BA.

Sementara itu, hasil temubual dengan para guru pula menunjukkan penerimaan yang positif tentang pembelajaran BA menggunakan komik di sekolah sebagai tambahan bahan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, di samping menarik minat pelajar agar tidak cepat bosan dan hilang tumpuan terhadap pembelajaran.

4. 3 Penutup

Secara keseluruhannya, dalam bab ini telah dijelaskan dengan terperinci dapatan kajian berdasarkan kesemua instrumen kajian iaitu kertas soalan ujian pelajar, kertas soalan temu bual guru dan kertas soal selidik pelajar.

Bagaimanapun, dapatan ini hanya difokuskan kepada 60 orang pelajar tingkatan tiga di salah sebuah sekolah agama di Baling, Kedah sahaja dan tidak digeneralisasikan ke atas kesemua pelajar sekolah agama di seluruh negara walaupun kaedah rawak telah dijalankan dalam pemilihan responden kajian ini.